

13 JUL 2003

Khalil-Adun (Bergambar)

PENARIKAN PENGGANTUNGAN DUA ADUN MCA BUKAN SATU ISU, KATA KHALIL

PETALING JAYA, 13 Julai (Bernama) -- Keputusan Majlis Presiden MCA menarik balik penggantungan keanggotaan dua wakil rakyatnya di Pulau Pinang tidak seharusnya dijadikan sebagai isu, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata keputusan itu sebenarnya telah dirujuk terlebih dahulu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional, yang merestui penarikan penggantungan itu.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, ditemui pemberita selepas merasmikan hari keluarga Kementerian Penerangan 2003 di Sunway Theme Park di sini. Beliau diminta mengulas keputusan Majlis Presiden MCA pada Khamis lepas untuk menarik balik penggantungan keanggotaan Anggota Dewan Undangan Pulau Pinang kawasan Datuk Keramat, Lim Boo Chang, dan anggota dewan itu bagi kawasan Jawi, Tan Cheng Liang, yang telah dibuat sejak 16 Dis lepas.

Mereka digantung selepas enggan mengundi menentang satu usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri bagi membantah projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) pada persidangan dewan itu November lepas.

Semalam, Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting berkata parti itu telah merujuk perkara berkenaan kepada Dr Mahathir sebelum membuat keputusan.

Namun, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, hari ini dilaporkan berkata beliau terkejut dengan keputusan itu yang dibuat tanpa merujuk kepada beliau terlebih dahulu selaku pengerusi BN negeri.

Khalil berkata bahawa secara peribadi, beliau berpendapat semua pihak, termasuk komponen BN perlu menerima keputusan MCA itu.

"Ia perlu diselesaikan sebelum pilihan raya umum dan pada saya (penarikan penggantungan itu) bukan isu lagi kerana semua pihak perlu melihat kepada penyelesaian terhadap perkara itu," katanya.

Ketika diminta mengulas langkah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengeluarkan iklan dan buku kecil bagi menjelaskan mengenai kedudukan sebenar rundingan air dengan Singapura yang terbengkalai, beliau berkata Kementerian Penerangan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah memberikan tumpuan pada isu air dengan Singapura sebelum ini.

"Kita akan terus memberikan maklumat berdasarkan perspektif kita. Ia akan dilakukan melalui pelbagai pendekatan termasuk berita serta dokumentari," katanya.

Ditanya mengenai perkembangan pengkorporatan RTM, Khalil berkata surat tawaran telah dikeluarkan kepada semua kakitangan RTM di seluruh negara sejak 16 Jun bagi mereka membuat keputusan dalam tempoh dua bulan ini sama ada untuk kekal dalam perkhidmatan kerajaan atau menyertai RTM Berhad (RTMB).

"Sekarang ini kita sedang melantik sebuah lembaga penuh yang terdiri daripada setiausaha serta dua ahli, dan bila kita dah dapat lantik ahli lembaga penuh nanti, kita akan putuskan jadual pelaksanaan pengkorporatan," katanya.

-- BERNAMA

AT JM MAI